

# Pendedahan kemahiran keusahawanan

► 60 pelajar lepasan SPM dan STPM sertai Seminar Kenali IPT

Oleh SADDAM EDRIS

**S**ERAMAI 60 peserta terdiri daripada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) menyertai Seminar Kenali IPT (SKI) yang berlangsung di Auditorium Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada Sabtu.

Peserta SKI yang dianjurkan Kelab Rakan Pustaka (KRP) UMS dengan kerjasama Yayasan Dana Kebajikan Muslim Malaysia (YDKMM) dan Neo Synergy Training Centre (NSTC) itu dipilih dari sekolah sekitar Kota Kinabalu, Keningau, Papar dan Sandakan.

Salah seorang peserta Irnah Narui, 18, merasa



**PESERTA** lepasan SPM dari SMKA Tun Ahmadshah mendapat konsultasi ketika melawat gerai pameran pada program itu.

bertuah terpilih menyertai seminar itu untuk mengetahui tips kejayaan dalam akademik dan kemahiran insaniah selepas zaman persekolahan.

“Seminar seumpama ini dapat mempersiapkan kami dengan kemahiran berfikir dan berkomunikasi. “Selain itu, ia juga memberi pendedahan

kepada kemahiran keusahawanan sesuai dengan hasrat kerajaan mencapai Transformasi Nasional 2050 (TN50),” katanya.



**PESERTA** fokus mengisi borang permohonan sambung pengajian dalam bidang yang diminati.

Pihak penganjur menampilkan salah seorang penceramah Alani Bazla Ahmad Jihaduddin yang memenangi Anugerah Terbaik pada ‘Youth E-Commerce Program Alibaba Business School’.

Perkongsian Alani berjaya membuka minda para peserta untuk menjadikan bidang keusahawanan sebagai kerjaya pada masa hadapan.

Penerima Anugerah Pelajaran Diraja (Pingat Jaya Cemerlang) Universiti Malaysia Kelantan

Asfarina Ismail turut hadir pada seminar itu bagi berkongsi pengalaman serta mengembalikan semangat peserta untuk mempunyai sasaran jelas dalam kehidupan.

Sesi petang pula, peserta dibawa ke tapak pameran informasi di beberapa pusat pengajian asasi serta institut pengajian tinggi awam dan swasta sekitar Bandaraya Kota Kinabalu.

Selain itu, peserta diberi peluang mendapatkan konsultasi percuma dan didedahkan dengan

perbincangan dalam kumpulan bersama fasilitator Kelab Rakan Pustaka UMS berpengalaman seperti Siti Zaleha Abdul Tahar iaitu penerima Anugerah Canselor Asasi Sains UMS.

Program itu dirasmikan oleh Pengarah Pusat Kokurikulum dan Kemajuan Pelajar UMS Dr Hasnol Noordin dan turut dihadiri Penasihat SKI 2018 Shahida Fazira Abdullah, Pengerusi KRP Zulhisham Faridzuan dan Timbalan Pengerusi KRP Nursyafiqah Syaril.

Hasnol dalam ucapannya berharap program itu mampu memberi pelbagai info yang bermanfaat berkenaan IPT dan tips kejayaan kepada para peserta, selain menjadi titik tolak kepada peserta untuk berfikir secara global dan bersedia mendepani cabaran masa hadapan.



**PESERTA** dan penganjur merakam gambar kenangan.

“Seminar seumpama ini dapat mempersiapkan kami dengan kemahiran berfikir dan berkomunikasi. Selain itu, ia juga memberi pendedahan kepada kemahiran keusahawanan sesuai dengan hasrat kerajaan mencapai Transformasi Nasional 2050 (TN50).”

**IRNAH NARUI**  
Peserta